

Baung ekor merah kian banyak di Sungai Pahang

BH 14/10/2024 PG 19

Kuantan: Ikan baung ekor merah antara ikan asing yang semakin mengancam Sungai Pahang dengan taburan bermula di Pekan menular ke Temerloh, Jerantut dan Lipis.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani, Bioteknologi dan Pendidikan Pahang, Datuk Seri Mohd Soffi Abd Razak, berkata kerajaan negeri memandang serius ancaman ikan baung ekor merah yang semakin bertambah di Sungai Pahang, termasuk beberapa sungai utama lain di negeri ini.

Malah, katanya, menerusi Belanja 2024, kerajaan negeri memperuntukkan sebanyak RM110,000 untuk melaksanakan program kesedaran dan pertandingan memburu ikan asing bagi memberi kesedaran masyarakat terhadap usaha menjaga ekosistem sungai.

“Ikan baung ekor merah atau

digelar ‘serigala merah’ (*Hemibarbus wyckioides*) dalam kalangan nelayan berasal dari Sungai Mekong, Vietnam.

“Ikan baung ekor merah adalah spesies ikan asing dan pemangsa yang agresif kerana menjadikan semua jenis ikan dan hidupan lain sebagai makanannya,” katanya ketika dihubungi, semalam.

Mohd Soffi berkata, kesedaran dalam kalangan nelayan darat dan masyarakat terhadap ancaman ikan asing perlu ada dalam memastikan ekosistem sungai tidak terus terjejas.

Katanya, sokongan masyarakat setempat, termasuk nelayan darat mampu membantu mengawal pembiakan ikan asing, sekali gus mengelak ikan tempatan pupus.

Beliau berkata, Peraturan-Peraturan Perikanan (Pindaan) 2024 membabitkan ikan baung

ekor merah yang berkuat kuasa pada 1 Julai lalu diharap mampu menyekat penularan ikan spesies berkenaan disebabkan manusia.

“Pindaan berkenaan mewartakan larangan mana-mana pihak mengimport, menjual, memelihara, menyimpan atau mempamerkan famili, genus atau spesies ikan terbabit.

“Jadual berkenaan turut membabitkan semua spesies ikan asing yang boleh mengancam ikan tempatan yang terdapat dalam sungai utama di negara ini.

“Saya harap Jabatan Perikanan Pahang dapat melakukan pemeriksaan secara berkala ke atas projek ternakan ikan sangkar bagi memastikan kegiatan memelihara ikan baung ekor merah tidak berlaku walaupun spesies berkenaan dikatakan mendapat permintaan menggalakkan daripada pengguna,” katanya.



Ikan baung ekor merah semakin bertambah di Sungai Pahang.

(Foto Mohd Rafi Mamat/BH)